

**KAJIAN META-ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN
PENCEGAHAN DI AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**

Prof. Madya Dr. Mohd Muzafar Shah bin Mohd Razali (Ketua)

Dr. Md Azman bin Shahadan

Prof. Madya Dr. Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip

Che Anuar bin Che Abdullah

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Dr. Mohammad Isa bin Amat

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Mohd Farid bin Hj. Mohamad Japeri

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Azad Athahiri Bin Anuar (Pembantu Penyelidik)

Abstrak

Tujuan kajian ini ialah menjalankan kajian meta-analisis keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah di Agensi Antidadah Kebangsaan dengan menggunakan model *Heterogeneity* atau *Homogeneity*. Kajian ini dijalankan dengan meneroka kajian-kajian lepas tempatan yang berkaitan kesan program pendidikan pencegahan dadah di Malaysia dan di pilih berdasarkan kriteria *inclusion* dan *exclusion* yang telah ditetapkan. Lokasi kajian ialah di sepuluh buah universiti awam tempatan dan sebuah agensi. Sebanyak 24 buah kajian telah di kenal pasti dan hanya 3 buah kajian yang dipilih untuk di analisis. Perisian komputer *R* telah digunakan untuk menganalisis data kajian. Dapatan analisis kajian menunjukkan kekuatan nilai 'g' *Hedges* bagi keseluruhan kesan program pencegahan berada pada tahap sederhana (0.54). Ini menunjukkan keseluruhan program pencegahan yang telah dijalankan tidak mencapai tahap keberkesanan yang tinggi.

Keywords

Program pencegahan dadah, AADK, *inclusion*, *exclusion*, meta-analisis.